

BULETIN

NOVEMBER 2018

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT | NOVEMBER 2018 | BIL. 11

PLATFORM
LAHIR
GENERASI
MUDA
BERINOVASI

PERTANDINGAN
ROBOT
TEMPUR





PERTANDINGAN ROBOT TEMPUR

UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)

DAN YAYASAN BANK RAKYAT (YBR)

Sebanyak 60 pasukan robot tempur serta 30 pasukan 'line follower' yang terdiri daripada kategori sekolah dan terbuka berkumpul di MFI Bangi bagi Pertandingan Robot Tempur Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Yayasan Bank Rakyat (YBR) yang diadakan selama dua hari bermula dari 10 sehingga 11 November 2018. Objektif pertandingan ini adalah untuk menguji pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui inovasi, kreativiti dan menggalakkan pelajar mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta pelbagai strategi untuk mereka bentuk dan membina robot yang hebat.

Pertandingan anjuran UNIKL yang telah mendapat sokongan YBR ini merupakan inisiatif yang dijalankan bagi membantu melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam kalangan belia terutamanya dalam bidang inovasi sains dan teknologi. Dalam memacu negara ke arah modenisasi, bidang inovasi harus diberi pendedahan yang berterusan demi kelangsungan tenaga mahir yang merupakan aset kepada sebuah negara maju. YBR telah menaja sepenuhnya bagi penganjuran pertandingan robot ini seiring dengan komitmen YBR untuk mempertingkatkan tahap pendidikan negara melalui sudut lain iaitu meningkatkan modal insan melalui inovasi serta memberi semangat kepada golongan muda agar memilih STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sebagai kerjaya.

**PLATFORM LAHIR GENERASI
MUDA BERINOVASI**

Majlis perasmian penutup turut dihadiri Prof. Dato' Dr. Azanam Shah Hashim, Timbalan Presiden Jaringan Antarabangsa, Industri & Institusi UniKL. Bagi para pelajar yang menyertai program ini, mereka merasakan pertandingan ini secara tidak langsung menggalakkan mereka untuk menghasilkan perisian pintar, menguji pengetahuan berhubung system robotik humanoid serta menonjolkan bakat. Melalui pertandingan ini juga membolehkan mereka bertemu dan berkawan dengan lebih ramai pelajar lain serta berkongsi ilmu pengetahuan.



KATEGORI ROBATTLE

KEPUTUSAN	JUMLAH (RM)	KUMPULAN	ORGANISASI/UNIVERSITI
Juara	2,000.00	Mm Techno	Mm Khidmat Sdn Bhd
Naib Juara	1,000.00	Rider	MJII
Ketiga	800.00	Fighto	MJII
Keempat	600.00	Mista	MJII
Rekabentuk Terbaik	200.00	Bm Botic	IKTBN Bukit Mertajam
Teknologi Terbaik	200.00	Mista	MJII

KEPUTUSAN	JUMLAH(RM)	KUMPULAN	ORGANISASI/UNIVERSITI
Juara	300.00	Purbakala-2	Sintok Robo
Naib Juara	200.00	Robosociety 33	Sk Ahmad
Ketiga	100.00	Purbakala-1	Sintok Robo
Reka Bentuk Terbaik	50.00	Wettbewerbsfahug Zumo	UNIKL MFI
Teknologi Terbaik	50.00	Bns (Bile Nak Sampai)	Alumni MFI

KATEGORI LINE FOLLOWER (TERBUKA)



KATEGORI LINE FOLLOWER (SEKOLAH)

KEPUTUSAN	JUMLAH (RM)	KUMPULAN	ORGANISASI/UNIVERSITI
Juara	300.00	Aura 2	SMK Pengkalan Aur
Naib Juara	200.00	Aura 1	SMK Pengkalan Aur
Ketiga	100.00	Robosociety 66	SK Ahmad
Reka Bentuk Terbaik	50.00	iQuick	SMK Taman Yarl, KL
Teknologi Terbaik	50.00	Young Georgian	SK King George



1 Dis 18

**NLT Lendu
(UITM Lendu)**

4 Dis 18

**NLT Alor Gajah
(Dewan Perbandaran Alor Gajah)**

15 Dis 18

**Sesi Taaruf Bersama Pelajar YBR
(Menara Kembar Bank Rakyat)**

18 DIS 18

**NLT Kuala Lumpur
(Perpustakaan Negara)**

PROGRAM YBR SEPANJANG DISEMBER 2018



@officialybr

@officialYBR

Yayasan Bank Rakyat

www.yayasanbankrakyat.com.my